

UCAPAN

**YANG BERHORMAT
DATO SERI PADUKA HAJI KIFRAWI
BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI**

PEMBUKAAN

**TAHUN UNDANG-UNDANG 2007
HARI SELASA, 27 MAC 2007**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Amat Arif Ketua Hakim, Yang Arif Hakim-Hakim dan
Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar

Yang Dipertua Persatuan Undang-Undang Negara Brunei
Darussalam

Para Peguam

Para tetamu

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Saya amat sukacita dapat berucap sekali lagi kepada Yang Amat Arif dalam upacara seperti ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita sekali lagi dapat hadir dalam upacara pagi ini dan bagi membaharui ikrar yang lazim kita buat untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam mendukung kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

UNDANG-UNDANG BARU

Pada tahun 2006 dan awal tahun ini, beberapa undang-undang baru telah dibuat. Seperti lazimnya saya ingin menyebut beberapa Perintah penting.

1. PERINTAH PUSAT KAJIAN STRATEGIK DAN DASAR, 2006

Perintah ini menubuhkan Pusat Kajian Strategik dan Dasar dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya. Tugas-tugas Pusat itu termasuk pemajuan dan penyebaran pengetahuan dan penggalakan penyelidikan mengenai Negara Brunei Darussalam dan semua perkara yang berhubungan dengan kepentingan Negara Brunei Darussalam.

2. PERINTAH PENERBANGAN AWAM, 2006

Perintah ini memansuhkan Akta Perjalanan Udara dan mengadakan rangka pengawalseliaan bagi memantau, meningkatkan dan menggalakkan keselamatan penerbangan awam menurut prinsip-prinsip Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa.

Pada amnya, Perintah ini berhubungan dengan organisasi dan pentadbiran penerbangan awam, pesawat udara, personel, pengendalian pesawat udara, pengangkutan udara, aerodrom, liabiliti dan insurans dan keselamatan penerbangan awam.

3. PERINTAH AKTA MAHKAMAH PERANTARAAN (PINDAAN), 2006

Perintah ini meminda bidang kuasa sivil Mahkamah Perantaraan untuk membolehkan mahkamah mendengar setiap tindakan di mana jumlah yang dituntut atau nilai hal perkara yang dipertikaikan adalah dari \$50,000 sehingga \$100,000 sebagai ganti dari \$15,000 sehingga \$100,000.

4. PERINTAH AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL (PINDAAN), 2006

Kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang telah melakukan sebarang kesalahan di bawah bab 12 dari Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (iaitu, bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan tempat-tempat awam yang tidak bersih dan pembuangan sampah tanpa kebenaran), yang dahulunya diberikan hanya kepada pegawai-pegawai polis, sekarang ini kuasa itu boleh

dijalankan oleh Merinyu Bandaran, Merinyu Kesihatan, mana-mana Pegawai Daerah dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya, Ketua Pengarah Kerja Raya dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya, dan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya.

Hukuman jika disabitkan bagi kesalahan kedua dan berikutnya di bawah bab 12 dari Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil, di samping hukuman denda sebanyak \$3,000, boleh juga dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan.

Perintah ini juga memberikan kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kuasa untuk menyiasat mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil dan sebarang aturan di bawahnya.

5. PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2006

Perintah ini menubuhkan Tribunal Tuntutan Kecil dan membuat peruntukan bagi bidang kuasa, prosedur dan amalannya. Tribunal Tuntutan Kecil adalah sebuah Mahkamah Rekod yang terdiri dari-

pada adjudikator dan timbalan adjudikator. Tribunal Tuntutan Kecil boleh mendengar dan memutuskan tuntutan-tuntutan berhubung dengan pertikaian yang timbul dari sebarang kontrak bagi penjualan barang-barang atau penyediaan perkhidmatan dan sebarang tuntutan dalam *tort* berkaitan dengan kerosakan yang berlaku pada sebarang harta. Bidang kuasa tribunal itu tidak termasuk suatu tuntutan yang melebihi S10,000.

6. PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN), 2007

Perintah ini adalah mengenai kedudukan caruman dalam akaun Tabung Amanah Pekerja sebagai simpanan untuk persaraan. Caruman tidak boleh digunakan untuk membayar mana-mana majikan kerana kerugian kewangan yang ditanggung akibat dari sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh pekerja di bawah Kanun Hukuman Jenayah dan akaun itu tidak boleh ditahan dan dikreditkan untuk membayar sebarang hutang atau tuntutan.

7. PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2007

Perintah ini meminda takrifan “pegawai polis” dalam Kanun Peraturan Jenayah sebagai termasuk orang lain yang diberikan di

bawah sebarang undang-undang bertulis kuasa-kuasa seorang pegawai polis.

Perintah ini memberikan kuasa kepada “pegawai polis” yang membuat sesuatu penyiasatan bagi mendapatkan contoh-contoh badan untuk analisis forensik jika “pegawai polis” mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa contoh badan itu boleh mengesahkan seseorang itu terlibat atau membuktikan seseorang itu tidak terlibat dalam suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara.

Jika persetujuan ditolak tanpa sebab yang memuaskan atau tidak dapat diperolehi, suatu perintah majistret boleh didapatkan supaya orang itu memberikan contoh badan yang dikehendaki. Jika terbukti bahawa persetujuan ditolak tanpa sebab yang memuaskan, mahkamah boleh membuat kesimpulan dari penolakan itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Mana-mana orang yang daripadanya suatu contoh badan adalah dikehendaki secara sah yang enggan, tanpa alasan yang munasabah, memberikan suatu contoh badan atau membenarkannya diambil daripadanya, atau yang mengadang atau menghalang

pengambilan suatu contoh badan adalah melakukan suatu kesalahan.

Perintah ini selanjutnya membuat peruntukan supaya suatu contoh badan diambil oleh seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi, seseorang pegawai polis yang telah mendapat latihan bagi maksud itu atau mana-mana orang lain yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian atau terlatih yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya Polis bagi maksud itu. Mereka boleh menggunakan kekerasan yang diperlukan dengan munasabah untuk mengambil contoh badan jika orang itu enggan membenarkan contoh badannya diambil atau mengadang atau menghalang pengambilan contoh badannya.

KAJIAN SEMULA TINDAKAN PENTADBIRAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan Baginda pada masa lalu dalam membuat banyak undang-undang yang pada amnya adalah bagi kepentingan awam. Dalam membuat undang-undang tersebut, adalah menjadi kelaziman bagi kuasa-kuasa diberikan kepada pegawai-pegawai

awam untuk membolehkan mereka melaksanakan undang-undang itu. Adalah penting supaya kuasa-kuasa itu tidak disalahgunakan atau dijalankan dengan salah. Kita mempunyai undang-undang atau peruntukan-peruntukan dalam undang-undang atau amalan pentadbiran yang lazim untuk mencegah penyalahgunaan atau perjalanan salah kuasa-kuasa itu seperti Akta Pencegahan Rasuah dan Kanun Hukuman Jenayah, peruntukan untuk membuat rayuan sama ada kepada mahkamah atau Menteri atau pada amnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau dengan cara kajian semula pentadbiran atau siasatan. Di beberapa buah negara, mahkamah-mahkamah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula tindakan pentadbiran akan tetapi biasanya negara-negara itu mempunyai banyak peguam untuk menangani aduan-aduan (peguam untuk mahkamah, peguam untuk mangsa atau pengadu dan peguam untuk Kerajaan atau pihak berkuasa awam). Lagi pun sistem penentangan dalam kajian semula kehakiman seperti itu mungkin tidak sesuai bagi Negara Brunei Darussalam.

Pada amnya, kuasa-kuasa hendaklah dijalankan dengan munasabah dan adil menurut undang-undang. Dalam memastikan kuasa-kuasa yang diberikan oleh undang-undang itu dijalankan dengan sewajar-

nya, kakitangan awam akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai. Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa hari kebangsaan yang baru lalu di mana Baginda telah mengingatkan supaya Perkhidmatan Awam meningkatkan prestasinya untuk kebaikan orang ramai. Pegawai-pegawai saya sedia membantu mereka yang memerlukan penjelasan berhubung dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka oleh undang-undang yang berkaitan.

UNDANG-UNDANG YANG BELUM DILAKSANAKAN

Masih terdapat undang-undang yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan untuk diperbuat tetapi belum lagi dilaksanakan. Ini mungkin disebabkan kekurangan tenaga manusia terlatih dan masalah awal yang lain. Kita perlu menyelesaikan rintangan apa pun dengan segera demi kepentingan orang ramai dengan mengingat bahawa undang-undang tersebut adalah dimaksudkan untuk menggalakkan dan melindungi kesihatan awam, keselamatan awam dan hak orang ramai terhadap harta.

Mungkin inilah masanya yang tepat untuk mengingatkan mahkamah tentang bilakah Perintah Tribunal Tuntutan Kecil yang telah menjadi undang-undang pada 22 Ogos 2006 akan dilaksanakan.

KETUA PENDAFTAR

Saya juga ingin melahirkan penghargaan saya atas kerja keras Ketua Pendaftar Mahkamah Besar. Ketua Pendaftar yang merupakan Pegawai Waris dan Penerima Rasmi juga dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman yang mempunyai kuasa-kuasa sama seperti seorang Hakim Mahkamah Besar untuk mendengar kes-kes jenayah dan sivil. Oleh yang demikian, Ketua Pendaftar perlu menangani bukan sahaja kerja undang-undang / kehakiman yang rumit tetapi juga menangani tugas-tugas yang memerlukan masa dan tenaga yang banyak bagi memastikan jentera kehakiman kita berjalan dengan cekap.

Tugas-tugas tersebut termasuk

- a. untuk memastikan kes-kes ditetapkan dengan segera untuk pendengaran sama ada oleh Pendaftar-Pendaftar atau oleh mahkamah-mahkamah yang berkenaan dan diselesaikan tanpa kelambatan yang tidak wajar;

- b. bahawa pengguna-pengguna mahkamah termasuk mangsa-mangsa, defendan-defendan, saksi-saksi, peguam-peguam, pendakwa-pendakwa, pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang, pegawai-pegawai dan kakitangan kehakiman adalah selesa dan dijaga dengan baik;
- c. bahawa kemudahan-kemudahan mahkamah dan kakitangan mahkamah adalah mencukupi, boleh dipercayai dan cekap.

Saya yakin Ketua Pendaftar memerlukan sokongan padu dan persefahaman yang baik daripada Pendaftar-Pendaftar, Ketua Majistret, Jurubahasa-Jurubahasa, kakitangan mahkamah yang lain dan Jabatan Kehakiman yang ditubuhkan beberapa tahun lalu untuk membantunya dalam memelihara jentera keadilan kita bagi pentadbiran kehakiman yang baik bagi mahkamah-mahkamah kita.

Bagi pihak Pendakwa-Pendakwa dan semua agensi penguatkuasaan, kita berjanji akan memberikan kerjasama penuh kepada mahkamah dengan memastikan bahawa kita akan menjalankan penyiasatan dan mendakwa kes-kes jenayah tanpa kelambatan yang tidak wajar.

KES-KES YANG MEMBAWA HUKUMAN MATI

Sistem dua orang hakim yang mendengar sesuatu kes yang boleh membawa hukuman mati sekarang ini menjadi tradisi di negara ini. Sistem ini menggantikan prosedur lama di mana seorang hakim bersidang bersama pengapit-pengapit hakim yang terdiri daripada orang ramai yang lazimnya bukan peguam. Pengapit-pengapit hakim ini adalah seperti ahli-ahli juri di negara-negara lain. Memandangkan sistem yang berjalan sekarang telah, dalam beberapa tahun ini, mendapat keyakinan daripada orang ramai kita perlu berhati-hati dalam mengganti sistem dua orang hakim ini dengan seorang hakim sahaja. Tambahan lagi, saya percaya kita tidak mempunyai kes-kes tertangguh yang serius di mahkamah bagi kes-kes yang membawa hukuman mati, khususnya, dan kes-kes lain, pada amnya. Hanya dalam beberapa tahun yang lepas mahkamah perlu menangani satu atau dua kes Mahkamah Tinggi yang agak lama dan rumit yang jarang berlaku. Oleh yang demikian, keadaan itu, tidaklah mewajarkan perubahan radikal dibuat dalam sistem undang-undang kita. Jika perlu, penyelesaiannya adalah dengan menambah bilangan Hakim Mahkamah Besar.

ALAM SEKITAR

Yang Amat Arif, dalam beberapa tahun ini, kita telah mengalami dan melihat pencemaran alam sekitar di dunia sebahagian besarnya disebabkan aktiviti-aktiviti ekonomi manusia. Di dunia sebelah kita, kuasa-kuasa yang merosakkan alam sekitar adalah sama dengan kuasa-kuasa yang mendatangkan keajaiban ekonomi yang telah membantu berjuta-juta penduduk miskin. Pertumbuhan ekonomi bermakna lebih banyak pengeluaran, lebih banyak pekerjaan, lebih banyak makanan, akan tetapi ia juga bermakna lebih banyak asap, lebih banyak pembalakan dan lebih banyak bahan kimia dibuang ke dalam air. Setakat mana yang berkenaan dengan Negara Brunei Darussalam, perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar adalah komponen penting dalam proses pembangunan Negara bagi memastikan pembangunan berterusan selaras dengan tujuan jangka panjang dalam memelihara alam sekitar yang bersih dan sihat. Dasar berhubung dengan alam sekitar telah diberikan perhatian dalam Rancangan Pembangunan Negara setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan

pada tahun 1984 di bawah tujuan-tujuan jangka panjang *"untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat"* dengan memupuk *"masyarakat yang lebih berdisiplin, mandiri dan penyayang"* dan dengan memelihara *"alam sekitar yang bersih dan sihat"*. Rancangan Pembangunan Negara yang kelapan (2001-2005) mempunyai inisiatif-inisiatif yang berikut:

- Memastikan penggunaan sumber alam yang berterusan;
- Menghindarkan dan mengurangkan kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar yang berpunca dari pertambahan penduduk dan aktiviti-aktiviti manusia;
- Memastikan keseimbangan antara tujuan-tujuan pembangunan sosio-ekonomi dan peri pentingnya memelihara kualiti dan alam sekitar yang berterusan;
- Meningkatkan penggunaan teknologi yang terbaru, berkesan dan mesra alam sekitar yang bersesuaian;
- Mengukuhkan langkah-langkah pengawalseliaan dan penguatkuasaan;
- Meningkatkan kesedaran dan sokongan orang ramai; dan
- Memperbaiki kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada.

Sehingga ini, Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli dalam beberapa instrumen antarabangsa yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar iaitu, *Basel Convention on the Control of Trans-Boundary Movements of Hazardous Wastes and their Disposal (Basel Convention)* pada 16 Disember 2002, *Vienna Convention on Protection of the Ozone Layer* pada 26 Julai 1990, *Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer* pada 27 Mac 1993, *Stockholm Convention on Persistent Organic Pollutants* pada 21 Mei 2002 dan *United Nations Convention to Combat Desertification (UNCCD)* pada 2002. Heart of Borneo Declaration yang telah ditandatangani pada 12 Februari 2007 oleh Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia mengiktiraf peri pentingnya Pulau Borneo sebagai sistem sokongan hidup. Kawasan-kawasan perlindungan tersebut akan memelihara hutan hujan khatulistiwa yang kaya dengan kepelbagaian bio yakni biodiversity yang merentangi sempadan ketiga-tiga buah negara. Ia juga memainkan peranan penting dalam melindungi semua tadahan air utama Pulau Borneo dan adalah juga diharapkan pembalakan haram dan perdagangan hidupan liar akan berkurangan. Daya usaha Heart of Borneo adalah kerjasama merentas sempadan secara sukarela ketiga-tiga

buah negara yang menggabungkan kepentingan stakeholders, berasaskan kepada kebijaksanaan tempatan, penerimaan dan penghormatan terhadap undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar di negara-negara masing-masing dan dengan mengambil kira perjanjian-perjanjian alam sekitar pelbagai hala yang berkaitan, serta perjanjian-perjanjian sedia ada / perjanjian-perjanjian serantau dan dua hala sedia ada.

Walaupun tiada terdapat undang-undang khusus yang berhubungan dengan alam sekitar, kita sukacita memaklumkan Yang Amat Arif bahawa Pejabat saya pada masa ini sedang bekerja dengan beberapa agensi Kerajaan yang berkaitan dalam menyediakan undang-undang untuk melindungi, menjaga dan memulihara alam sekitar. Terdapat slogan dalam tahun 1980an mengenai kehilangan biodiversity, iaitu, "*kepupusan adalah untuk selama-lamanya*". Sekiranya kita tidak melindungi dan menjaga alam sekitar kita sekarang ini, apakah lagi yang tinggal untuk dinikmati oleh generasi akan datang. Apabila sudah hilang, ia adalah untuk selama-lamanya.

Yang Amat Arif,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai saya daripada pelbagai Bahagian di dalam Pejabat saya iaitu Keadilan Jenayah, Sivil, Undang-Undang Antarabangsa, Penggubalan Undang-Undang dan Pejabat Pendaftaran kerana usaha keras mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Kementerian dan Jabatan terutama sekali Jabatan Perdana Menteri kerana semua sokongan, bantuan dan kerjasama mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawainya serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri kerana bantuan dan kerjasama mereka dan usaha berterusan mereka dalam mengekalkan dan memelihara undang-undang dan ketenteraman.

Yang Amat Arif, saya ingin mengakhiri ucapan saya ini. Saya berharap hubungan baik di antara Pejabat saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian dan Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang baru saja ditubuhkan akan berterusan pada tahun-tahun akan datang. Kita semua bertanggungjawab untuk mendukung keutuhan Sistem Undang-Undang kita.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini semoga tahun ini membawa kemakmuran dan kejayaan.